

Sinar 14/7/13 Ms 2.

Isteri bukan *punching bag*



Dari dulu hingga kini, dunia tidak pernah sepi daripada cerita suami kaki pukul. Setiap hari, ada-ada sahaja kisah-kisah ngeri tentang suami tunjuk perkasa ini sehingga ada belashes isteri sampai mati.

Sebahagian makhluk yang sesetengahnya bermisai dan berbulu lebat ini bukan setakat kaki pukul. Ada yang beraksi macam Mike Tyson. Tumbuk isteri sampai lembik. Ada yang hilang pertimbangan, pijak isteri macam pijak anggur di Hunter Valley.

Malah paling sadis, ada yang sampai simbah muka isteri dengan asid! Cemburu? Masalah kewangan? Habit? Mental atau psiko? Inilah antara punca. Apapun alasan suami, memukul bukan jalan terbaik mendidik atau memberi pengajaran kepada si isteri dan isteri juga bukan *punching bag*.

Seorang kenalan yang pernah dua kali berumahtangga berkata, dia pantang betul kalau isterinya melawan. Tangannya akan mudah naik dan hinggap ke kepala isteri.

Perkahwinan pertama gagal kerana dia pukul isteri. Kedua juga seolah-olah tidak dapat diselamatkan lagi. Bagi isteri yang bersuamikan lelaki berhabit sebegini, beringatlah sebelum tengadah.

Rubi

8 Mei 2013, Kuala Lumpur

— Polis memburu seorang tukang masak yang mendera isterinya sehingga mati di sebuah rumah di Taman Bahagia, Jalan Puchong. Wanita berumur 28 tahun itu meninggal dunia sejurus dibawa ke wad kecemasan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Terdapat kesan lebam baharu dan lama di seluruh badan mangsa. Wanita tersebut dilapor didera kerana menolak ajakkannya untuk merujuk semula setelah mereka tidak



berusia 47 tahun selama dua tahun. Mangsa asal Kelantan, didera suaminya di rumah mereka di Taman Tuanku Jaafar, Senawang. Lelaki itu menolak isterinya ke lantai beberapa kali hingga mencederakan badan mangsa.

6 April 2000, Cheras, Kuala Lumpur

— Seorang suami mengikat leher dan kaki mangsa menggunakan rantai besi sepanjang tiga meter dan dikunci dengan mangga besar. Mangsa turut diikat pada dinding rumah. Kadangkala suaminya mengheret keluar rumah dan mengikatnya pada tiang pagar di depan rumah di depan anak serta jiran.

1 Februari 1997, Kuala Terengganu — Seorang wanita hamil terpaksa melarikan diri ke rumah ibunya bersama anak sulung berusia 13 bulan selepas dikatakan tidak tahan sikap panas baran suaminya yang kerap memukul dan menderanya hampir setahun. Hadarulyani Shamsi, 20, dipercayai mengandung anak kedua, berlingung di rumah ibunya di Kampung Rahmat Felda Chalok, Setiu.

25 Julai 1997, Petaling Jaya — Seorang

pekerja binaan berusia 33 tahun ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan polis selepas mendera isterinya di Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara. Lelaki berkenaan enggan memberi wang diminta isteri untuk membeli beras dan keperluan dapur, sebaliknya menyepak serta menumbuk isterinya.

Penyanyi belasah isteri

> Seorang penyanyi berusia 48 tahun yang pernah mencetuskan keributan selepas ditahan beberapa kali berkaitan kes dadah, sekali lagi dibawa ke balai polis dan diambil keterangan malam kelmarin, berhubung dakwaan membelasah isterinya.

9 Ogos 1996, Kampung Baru, Kuala Lumpur

— Jumlah Hassan dari Kampung Baru, Kuala Lumpur, membuat pengakuan mengalami tekanan jiwa berikutan sering didera suaminya yang kaki mabuk dan judi selama tujuh tahun. "Dia sering memukul dan mencaci saya selain memaksa saya melakukan hubungan seks," katanya.

21 Februari 1995, Pontian, Johor — Seorang lelaki berusia 43 tahun ditahan

polis kerana disyaki mendera isterinya berusia 61 tahun sehingga mati di Kampung Belokok, Peradin. Siasatan polis mendapati lelaki itu dipercayai mencekik isterinya sebelum menolaknya sehingga jatuh di tangga rumah. Mangsa cedera teruk di



> Hanya kerana mengejutkan suami dan menyuruhnya solat Subuh, seorang wanita kini koma dan bertangis semalam. Si suami yang terkejut dengan kehadiran seorang jiran yang melihatnya masih memegang pisau di sisi isteri bergegas melarikan diri dan gagal dikesan sehingga kini, lapor Mohd Firdaus Ibrahim dan Raja Nuraimi Raja Rahim

kepala dan dada manakala leher dan mukanya lebam.

2 Mac 1995, Klang — Polis menahan suami seorang pekerja kilang kerana dipercayai memukul isterinya hingga parah di rumahnya di Jalan Young, Pandamaran, Klang, Selangor. Isteri lelaki itu yang berusia 35 tahun luka

pergelangan tangan kanannya dipercayai terkena benda tajam serta bengkak pada mata, belakang badan, pipi dan punggung.

27 Disember 1995, Kuantan — Harapan seorang suri rumah untuk hidup bahagia bersama suami hingga ke akhir hayat punah apabila dia didera sehingga memaksanya meninggalkan rumah untuk mendapatkan pertolongan. Sarimah Suan, 17, cedera di dada dan perut dipercayai didera suami, terpaksa menahan sakit untuk pulang ke rumah bapanya di Tanah Putih Baru, Kuantan, Pahang.

22 Ogos 1994, Hulu Klang — Wanita berusia 30-an dan isteri kedua seorang imam dikejarakan ke wad kecemasan Hospital Kuala Lumpur oleh ibunya selepas tidak sedarkan diri dipercayai menghadapi tekanan jiwa berpunca daripada perbuatan suaminya. Wanita itu kemudian membuat satu laporan bahawa ada beberapa tanda kecederaan pada tubuhnya berpunca daripada penderaan.



tinggal sebumbung.

14 Februari 2005, Seremban, Negeri Sembilan — Seorang guru sekolah menengah di Rantau berusia 43 tahun membuat laporan polis kerana sering didera suaminya yang juga pegawai kastam

Sinar 14/7/13 MS 3

Cacat didera kudrat jantan suami

EMPAT tahun saya derita.

Masa bercinta tak nampak perangai sebenar. Tapi bila sudah setahun kahwin, baru saya tau siapa suami saya.

Ketika berkahwin usia saya 24 tahun. Suami, 35. Kami berkenalan di tempat kerja.

Ingatkan memilih lelaki berusia 11 tahun lebih tua saya dapat suami lebih matang dan saya lebih dimanjakan.

Tapi rupanya kehidupan bahagia yang diimpikan bertukar menjadi pengalaman negeri.

Hasil perkahwinan, kami dikurniakan dua

Pengakuan 1

cahaya mata.

Saya tak sangka, setahun menjalani kehidupan bersama, baru saya sedar suami saya terlibat dengan beberapa kegiatan tidak sihat termasuk minum minuman keras dan hidu gam.

Kesan perangnya itu, saya sering jadi tempat dia lempiaskan kemarahan. Apabila hilang pertimbangan, saya ditampar. Bukan sedikit. Tapi sampai cedera berdarah.

Kemuncak masalah rumahtangga berlaku pada tahun keempat perkahwinan. Saya dapat tahu suami saya ada hubungan sulit dengan perempuan lain.

Satu hari, saya pulang lewat dari kerja. Saya bukan merayau berpoya sana sini. Tapi kelewatan saya sebab singgah di kedai beli barang rumah yang sudah habis.

Pulang ke rumah saya dimaki hamun. Diherdik dengan perkataan kotor seperti saya buat kerja jalang di luar rumah. Saya tahu, dia buat begitu untuk tutup kesalahan sendiri.

Suami saya tuduh saya jumpa orang lain. Dengan kudrat jantannya, dia pukul saya. Muka saya bengkak. Darah berlumuran.

Sejak peristiwa itu, dia sudah keluar rumah. Kami tidak lagi tinggal sebumbung. Kini kami dalam proses cerai.

Saya tidak akan dapat lupakan apa yang sudah dilakukan terhadap saya. Lebih-lebih lagi sepak terajangnya itu mengakibatkan saya mengalami cacat kekal!

Jamilah (bukan nama sebenar), 30
Merlimau, Jasin, Melaka

Diacu parang, halau keluar rumah

KAK AIN dan anak-anak ibarat pelarian selepas suami ugut dengan parang supaya keluar dari rumah.

Selama 15 tahun, rumah kelamin itulah yang menjadi syurga kami. Namun, setelah diserikan dengan tujuh anak, kediaman itu bertukar menjadi neraka. Suami pula mabuk cinta dengan seorang janda.

Awal tahun lalu, suami Kak Ain keluar rumah selama sebulan. Kemudian dia kembali hanya untuk halau kami keluar.

Pada mulanya kami berkeras enggan keluar. Tapi kedegilan Kak Ain buatkan suami makin berang. Dia kerap kali datang buat kecoh di luar rumah.

Sedihnya mengenangkan anak-anak apabila bapa mereka tergamak memotong bekalan air dan elektrik. Duduklah kami dalam gelap dan tanpa air.

Kemuncak kemarahan suami apabila sanggup acu parang desak kami keluar dari rumah yang didaftarkan atas namanya.

Bimbang perkara buruk berlaku, Kak Ain dan anak-anak segera kemas pakaian

dan keluar rumah tengah malam.

Selain diugut suami sendiri, Kak Ain sekeluarga juga hidup dalam ketakutan apabila sekumpulan ah long kerap cari suami untuk tuntutan hutang.

Kehidupan kami memang perit. Tapi kami tabahkan hati apatah lagi mengenangkan tindakan tak berperikemanusiaan dan kata-kata tajam suami yang tidak menghalalkan walau satu sen untuk membela isteri dan anak-anak sendiri.

Anak bongsu yang berusia tiga tahun juga sering ketakutan apabila melihat kelibat ayahnya.

Kami kini hanya bergantung pada pendapatan dua anak yang bekerja di kedai makan dan kantin sekolah.

Kak Ain juga dalam proses untuk membuat permohonan cerai di mahkamah.

Kak Ain, 40an
Alor Setar, Kedah

Pengakuan 2



Kak Ain membaca akhbar mengisi masa lapangnya ketika menjaga anak bongsu dan cucu.

Dia heret saya balik rumah

SAYA telah mendirikan rumah tangga dengan suami selama 12 tahun sebelum nekad ambil keputusan untuk bercerai.

Dalam tempoh itu, hidup kami bahagia apatah lagi kami dianugerahkan empat anak lelaki yang comel dan lasak-lasak belaka.

Suami seorang supervisor di sebuah kilang elektronik di Shah Alam dan kami menyewa di Klang. Selepas mendapat anak ke empat. Hidup kami dihimpit masalah kewangan memandangkan selama ini hanya suami yang bekerja. Atas sebab ingin membantu dan meringankan beban suami, saya minta izin untuk bekerja dan Alhamdulillah saya diterima bekerja sebagai pembantu kedai serbaneka.

Anak-anak saya tinggalkan dalam jagaan jiran dengan bayaran tertentu. Beberapa bulan saya bekerja, ada seorang lelaki yang terlalu ambil berat pada saya sampai saya naik rimas. Dia sukakan saya tapi kerana nak jaga hati suami saya tidak mengadu malah diamkan saja dan melayan lelaki itu sama seperti saya layan rakan-rakan sekerja yang lain.

Satu hari, lelaki itu tinggalkan surat dalam buku saya merekod stok barang. Buku itu memang saya bawa balik ke rumah kalau bos tak datang kedai. Saya tak sedar surat tu dalam buku sehingga esok pagi saya tertinggal buku itu dan minta suami hantarkan ke tempat kerja.

Tak semena-mena

Pengakuan 3

masa saya keluar dari kedai nak sambut kedatangan suami, dia terus tampar dan maki hamun saya depan orang ramai, termasuk rakan-rakan sekerja

dan lelaki itu juga. Saya langsung tak tahu apa-apa. Suami fikir, saya khianati dia walau pun baru beberapa bulan diizinkan bekerja. Saya rasa amat malu dan terhina.

Tak pernah sekali pun saya berniat untuk khianati suami apatah lagi melayan lelaki lain seperti yang dia fikir. Sikap cemburunya amat ketara sewaktu dia maki hamun saya tanpa usul periksa. Dia heret saya balik rumah dan pukul lagi sampai lebam-lebam. Selama 12 tahun berumah tangga, hari itu saya lihat sifat sebenar suami. Padanlah selama ini dia lebih rela saya mengikat perut dengan anak-anak di rumah daripada biar saya bekerja, rupa-rupanya dia cemburu buta.

Kini, sudah hampir lima tahun kami bercerai. Saya sudah mendirikan rumah tangga untuk kali ke dua tapi bekas suami tidak kerana masih menyesal dengan perbuatannya.

*Isteri nekad, 34.
Klang Selangor*



Dia cuba toreh kemaluan saya

DIA kata dia dengar bisikan suara halus yang mengatakan saya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain.

Pada hari kejadian, anak bongsu saya yang berusia empat tahun, ada di ruang tamu. Tiga anak yang lain ke sekolah. Anak bongsu saya melihat apa yang dilakukan bapanya terhadap saya.

Dia tiba-tiba menerpa ke arah saya. Dia terus rentap seluar yang saya pakai dan cuba toreh kemaluan saya.

Saya tak sempat melawan. Darah berlumuran.

Dengan sedikit kudrat yang ada, saya dapat hubungi ambulans.

Semasa ambulans dan polis tiba, dia dalam keadaan tenang. Dia tunjukkan tempat dia campakkan pisau untuk menyerang saya.

Pengakuan 4

Dia kata dia dengar bisikan suara halus dalam rumah yang menyatakan saya ada hubungan sulit dengan lelaki lain.

Katanya, sebelum menyerang saya, dia nampak jin-jin berterbangan dalam rumah. Jin-jin itulah yang membisikkan kepadanya kononnya saya lakukan perbuatan terkutuk.

Sebenarnya seminggu sebelum kejadian dia memang nampak berubah. Suka berdiam diri. Dalam tempoh itu dia juga pernah cekik saya dalam bilik sambil tanya sama ada saya ada hubungan sulit dengan lelaki lain atau tidak.

Dia juga pernah hentak kepala saya ke dinding, selain perut, dada dan paha saya dipijak. Dia naik angin bila saya kata saya tak pernah ada hubungan sulit dengan sesiapa.

*Siti Aishah,
Muar, Johor*



Dia tiba-tiba menerpa ke arah saya. Dia terus rentap seluar yang saya pakai dan cuba toreh kemaluan saya.